U676

U B983 AAB

MAKATKIR - ISA RRR

KUALA LUMPUR, 27 DIS (BERNAMA) -- PENAKANAN DUA ORANG PEMIMPIN UTAMA DAP, ENCIK LIM KIT SIANG DAN ENCIK KARPAL SINGH DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) DILANJUTKAN DUA TAKUN LAGI, DEMIKIAN DISAHKAN OLEH DATUK SERI DR MAKATKIR MOKAMAD KARI INI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI SINI BAHAWA LANJUTAN PENAKANAN ITU DISYORKAN QLEK POLIS.

ENCIK LIM, SETIAUSAHA AGUNG DAP DAN ENCIK KARPAL SINGH, TIMBALAN PENGERUSI PART1 ITU DITAKAN DI BAWAH AKTA ITU BERSAMA-SAMA 93 ORANG LAGI DALAM GERAKAN POLIS PADA 27 OKT KERANA PIHAK BERKUASA MEMPUNYAI SEBAB UNTUK MEMPERCAYAI BAHAWA KEGIATAN MEREKA BOLEH MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA.

DI BAWAH AKTA ITU, MENTERI DALAM NEGERI MEMPUNYAI KUASA UNTUK MELANJUTKAN TEMPOH PENAHANAN SEHINGGA DUA TAKUN LAGI SELEPAS TEMPOH PENAKANAN AWAL SELAMA 60 HARI.

TEMPOH PENAKANAN AWAL BAGI ENCIK LIM DAN ENCIK KARPAL SINGH TAMAT KELMARIN. -- LAGI.

1548MST 27 12 87

D706

u B988 AA%

MAKATKIR - ISA 2 KUALA LUMPUR RRR

SEJUMLAH 106 ORANG DITAHAN DI BAWAH ISA DALAM GERAKAN YANG BERMULA 27 OKT ITU DAN SETAKAT INI 55 ORANG DARIPADANYA SUDAK DIBEBASKAN.

ANTARA YANG TURUT DITAKAN BERSAMA-SAMA ENCIK LIM DAN ENCIK KARPAL SINGH PADA 27 OKT IALAK ANGGOTA PARLIMEN KOTA MELAKA, ENCIK LIM GUAN ENG, YANG JUGA ANAK ENCIK LIM KIT SIANG, PRESIDEN ALIRAN DR CHANDRA MUZAFFAR, NAIB PRESIDEN MCA ENCIK CHAN KIT CHEE, KETUA PEMUDA MCA DATUK YAP PIAN HON, ANGGOTA EXCO PEMUDA UMNO, ENCIK IBRAHIM ALI DAN ENCIK TAJUDDIN ABDUL RAKMAN SERTA BEBERAPA PEMIMPIN PAS DAN BADAN-BADAN SOSIAL ATAU AHLI-AHLI PERNIAGAAN.

BAGAIMANAPUN, ADA DI ANTARA TAKANAN-TAHANAN ITU TELAK DIBEBASKAN DAN MEREKA TERMASUK DR CHANDRA MUZAFFAR, ENCIK CHAN, DATUK YAP, ENCIK IBRAHIM DAN ENCIK TAJUDDIN.

DITANYA MENGENAI TAKANAN-TAKANAN LAIN TERMASUK YANG DITAHAN SELEPAS 27 OKT, DATUK SERI DR MAKATKIR BERKATA KEDUDUKAN MEREKA AKAN DIKETAHUI TIDAK LAMA LAGI APABILA GENAP TEMPOH DUA BULAN.

+YANG MANA CUKUP (MENJALANI) DUA BULAN, SAMA ADA DILEPAS, DIKENA SEKATAN ATAU DITAHAN,+ KATANYA. -- LAGI.

1645MST 27 12 87

0707

U B989 AAB

MAKATKIR - ISA 3 KUALA LUMPUR RRR

DITANYA BILA TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GKAFAR BABA AKAN BALIK BERTUGAS SELEPAS MENJALANI PEMBEDAHAN JANTUNG DI LONDON BARU-BARU INI, DATUK SERI DR MAKATKIR BERKATA, ITU BELUM DITENTUKAN LAGI.

KATANYA, ENCIK GHAFAR BELUM MEMBERITAHUNYA BILA BELIAU AKAN BALIK.

+TIDAK ADA MASALAK JIKA BELIAU NAK TINGGAL LEBIH LAMA DI SANA,+ KATANYA.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI KASMAK BERADA LEBIH LIMA JAM DI ANGKASAPURI UNTUK MENYAKSIKAN PERAYAAN MINGGU PENYIARAN DAN PENERANGAN.

PERAYAAN ITU DIADAKAN SERENTAK SEMPENA ULANGTAKUN KE-23 TV DILANCARKAN, 10 TAKUN TV WARNA DIPANCARKAN, 42 TAKUN SIARAN RADIO DIMULAKAN DAN JUGA 42 TAKUN JABATAN PENERANGAN MEMBER1 KHIDMATNYA KEPAOA MASYARAKAT, -- BERNAMA.

1647MST 27 12 87